

KEMENTERIAN PENDIDIKAN IMARAHKAN SAMBUTAN MAULUD NABI

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Oktober. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Perkembangan Kurikulum dan Jabatan Pengurusan Basiswa mengadakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1443 Hijrah / 2021 Masihi secara maya, pada hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa, dipimpin oleh Ketua Pegawai Dermasiswa dan Kesejahteraan, Jabatan Pengurusan Basiswa, Awang Haji Raminey bin Haji Salleh.

Majlis diserikan lagi dengan Tazkirah Khas, bertajuk 'Rasulullah Kekasih Allah, Kekasihku Dunia Akhirat', iaitu tema bagi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara bagi Tahun 1443H / 2021M, disampaikan oleh Pengarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Islam

Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Hambali bin Haji Jailli.

Antara kandungan tazkirah adalah perkongsian perihwal keperibadian Baginda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai contoh tauladan yang baik bagi sekalian manusia.

Majlis diakhiri dengan Dikir Marhaban, diketuai oleh Pegawai Pelajaran, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Awang Muhd. Zainuddin Shah bin Talip.

Majlis ini merupakan salah satu aktiviti tahunan kementerian dalam sama-sama menyemarakkan lagi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam juga memeriahkan lagi suasana Sambutan Maulidur Rasul dengan berselawat dan memuji ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi menunjukkan rasa kasih sayang terhadap jasa-jasa Baginda.

Antara yang hadir dalam majlis tersebut, Setiausaha-setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi dan Pendidikan Teras); Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei; Rektor UNISSA; Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras); Pemangku Ketua Pengarah Pendidikan; Ketua-ketua Jabatan; juga Pegawai-pegawai dan Kakitangan Kementerian Pendidikan.



YANG Berhormat Menteri Pendidikan menyertai Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1443 Hijrah / 2021 Masihi anjuran Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Perkembangan Kurikulum dan Jabatan Pengurusan Basiswa, secara maya.

Sumbangan bantu Kementerian Kesihatan tangani COVID-19



KEMENTERIAN Kesihatan menerima sumbangan cek berjumlah BND3,500 dari Universiti Teknologi Brunei.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Oktober. - Kementerian Kesihatan terus menerima pelbagai sumbangan daripada orang perseorangan dan pihak-pihak penderma sebagai Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility) dalam membantu pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, khususnya

Kementerian Kesihatan dalam sama-sama menangani dan membendung penularan wabak COVID-19 di negara ini.

Kementerian Kesihatan menerima sumbangan cek bagi Tabung COVID-19 Relief Fund 2021, iaitu cek berjumlah BND4,633 daripada Alumni Penuntut-penuntut Kemasukan 1971-1977 Sekolah Menengah Arab; cek berjumlah BND2,900 dari Teratai Mekar Sdn. Bhd.;

dan cek berjumlah BND3,500 dari Universiti Teknologi Brunei.

Majlis penyerahan sumbangan tersebut diadakan di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan, Berakas.

Sementara itu, Kementerian Kesihatan juga menerima beberapa sumbangan barang-barang keperluan pada 20, 21 dan 22 Oktober 2021 dari Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; Restoran Semporna Enak; Rezeki Bahirah; I Love You Enterprise; dan Jerudong



ANTARA penyumbang yang turut sama menghulurkan sumbangan kepada Kementerian Kesihatan (atas dan bawah).



International School.

Dalam pada itu, orang ramai yang ingin membuat sebarang sumbangan bolehlah berhubung

terus dengan MOH Emergency Operation Centre (MOHEOC) melalui talian +673 7295712 pada waktu bekerja sahaja.